

**TINJAUAN PENDAPAT UMUM MENGENAI
CARA GAYA KEIBUAN DAN PENGALAMAN GOLONGAN WANITA
BERKAHWIN DALAM MENDAPATKAN RAWATAN SUBFERTILITI
BERSEMPENA SAMBUTAN HARI IBU 2026**

Bersempena dengan Sambutan Hari Ibu 2026 yang bertemakan “Seteguh Kasih Ibu”, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sedang menjalankan satu tinjauan pendapat umum secara dalam talian bermula daripada 10 hingga 31 Mei 2026. Semua wanita berkahwin warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas adalah dijemput untuk menyertai tinjauan ini.

Objektif Tinjauan

1. Mengetahui pasti cara gaya keibuan yang diamalkan dalam keluarga.
2. Mengetahui pasti inisiatif yang diambil oleh golongan ibu dalam mendidik dan membesarkan anak-anak.
3. Mengetahui pengalaman golongan ibu / wanita berkahwin dalam mendapatkan rawatan ketidaksuburan / subfertiliti.

Kriteria Responden

Wanita warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas dan berstatus pernah berkahwin.

Tempoh Tinjauan

Tinjauan umum ini dibuka untuk penyertaan bermula daripada 1 hingga 31 Mei 2026.

A. Maklumat Demografi

1. **Negeri tempat tinggal sekarang:** _____
2. **Umur:** ____ tahun
3. **Etnik:**
☐ Melayu
☐ Cina
☐ India
☐ Lain-lain: _____
4. **Status perkahwinan:**
☐ Berkahwin
☐ Bercerai / Berpisah
☐ Balu
5. **Bilangan anak:** ____ orang

6. **Umur anak (boleh pilih lebih daripada satu):**

- ☐ 0 – 5 tahun
- ☐ 6 – 12 tahun
- ☐ 13 – 17 tahun
- ☐ 18 tahun ke atas
- ☐ Tiada anak

7. **Tahap pendidikan tertinggi:**

- ☐ Sekolah Rendah
- ☐ Sekolah Menengah
- ☐ Diploma / STPM / Matrikulasi
- ☐ Ijazah Sarjana Muda
- ☐ Ijazah Sarjana / PhD
- ☐ Lain-lain: _____

8. **Status pekerjaan:**

- ☐ Bekerja di sektor kerajaan
- ☐ Bekerja di sektor swasta
- ☐ Bekerja sendiri
- ☐ Tidak bekerja
- ☐ Lain-lain: _____

9. **Pendapatan isi rumah bulanan: RM**_____

10. Pernah menghadiri program keibubapaan **ANJURAN** Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)?

- ☐ Ya
- ☐ Tidak

11. Pernah menghadiri program keibubapaan **SELAIN ANJURAN** Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)?

- ☐ Ya
- ☐ Tidak

12. Pernah mendapatkan perkhidmatan di **Klinik Nur Sejahtera LPPKN**?

- ☐ Ya
- ☐ Tidak

B. Cara Gaya Keibuan Yang Diamalkan Dalam Keluarga

13. Pada pandangan anda, sejauh manakah anda telah berjaya melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang ibu?

- ☐ Sangat tidak berjaya
- ☐ Tidak berjaya
- ☐ Sederhana

- ☐ Berjaya
- ☐ Sangat berjaya

14. Manakah antara berikut yang menggambarkan situasi anda?

Sila jawab menggunakan skala berikut:

1 = Sangat tidak setuju

2 = Tidak setuju

3 = Agak tidak setuju

4 = Agak setuju

5 = Setuju

6 = Sangat setuju

- i. Saya membimbing anak memahami kerja sekolah mereka dengan memberi penerangan apabila mereka menghadapi kesukaran.
- ii. Saya menggalakkan dan memastikan anak saya terlibat dalam aktiviti tambahan (contohnya kelas, sukan atau kokurikulum) untuk meningkatkan perkembangan akademik dan sosial mereka.
- iii. Saya memastikan anak mematuhi peraturan keluarga berkaitan penggunaan gajet, media sosial, internet dan permainan dalam talian.
- iv. Saya berusaha mengetahui dengan siapa anak bergaul dan aktiviti yang mereka lakukan.
- v. Saya aktif dalam kumpulan WhatsApp sekolah anak, seperti berkomunikasi dengan guru serta memberi pandangan atau cadangan.
- vi. Saya meluangkan masa untuk berbual dengan anak bagi memahami situasi harian dan perasaan mereka.
- vii. Saya memastikan rumah sentiasa dalam keadaan kemas dan teratur walaupun mempunyai anak kecil.
- viii. Saya berusaha menyediakan makanan yang berkhasiat untuk anak walaupun berhadapan dengan kekangan masa.
- ix. Saya memastikan masa terluang anak dipenuhi dengan aktiviti berfaedah seperti tuisyen, muzik, seni mempertahankan diri dan tarian.
- x. Saya mengikuti perkembangan aktiviti anak di media sosial.

C. Inisiatif Yang Diambil Oleh Ibu Dalam Mendidik dan Membesarkan Anak

15. Manakah antara berikut merupakan inisiatif yang telah diambil oleh anda dalam mendidik dan membesarkan anak?

Sila jawab menggunakan skala berikut:

1 = Sangat tidak setuju

2 = Tidak setuju

3 = Setuju

4 = Sangat setuju

- i. Saya banyak menghadiri kursus keibubapaan sama ada secara fizikal atau dalam talian.
- ii. Saya banyak membaca bahan rujukan berkaitan kemahiran keibubapaan.

- iii. Saya sentiasa mengikuti perkongsian pengalaman dan tips ibu bapa lain berkaitan kemahiran keibubapaan melalui platform media sosial seperti WhatsApp, facebook, YouTube dan lain-lain.
- iv. Saya berkongsi masalah dengan pasangan, keluarga atau rakan untuk mendapatkan sokongan.
- v. Saya sentiasa memberi ganjaran kepada diri sendiri selepas melalui hari-hari yang mencabar sebagai seorang ibu.
- vi. Saya sanggup mengetepikan kepentingan peribadi untuk mendahulukan kepentingan dan keperluan anak-anak.
- vii. Saya sentiasa berusaha mengawal emosi ketika berhadapan dengan tingkah laku anak yang mencabar.
- viii. Saya sentiasa berusaha menyediakan persekitaran dalaman rumah yang kondusif untuk perkembangan fizikal, emosi dan pembelajaran anak.
- ix. Saya sentiasa menyesuaikan gaya keibuan mengikut keperluan dan perkembangan anak, bukan semata-mata mengikut trend semasa.
- x. Saya sentiasa menegur atau membetulkan tingkah laku anak dengan berhemah, seperti menggunakan nada suara yang tenang dan memberi penjelasan sebab kesalahan.

D. Perihal dan Pengalaman Ketidaksuburan / Subfertiliti

16. Adakah anda mengetahui bahawa LPPKN menyediakan perkhidmatan rawatan ketidaksuburan / subfertiliti?
- ☐ Ya
☐ Tidak
17. Adakah anda pernah mendengar mengenai Program Bantuan Rawatan Kesuburan dan Advokasi Subfertiliti (BUAI) yang disediakan oleh LPPKN?
- ☐ Ya
☐ Tidak
18. (Jika Ya) Dari manakah anda memperoleh maklumat mengenai program BUIA?
- ☐ Media sosial
☐ Fasiliti kesihatan (klinik / hospital)
☐ Rakan/ keluarga
☐ Program / kempen kerajaan
☐ Lain-lain: ____
19. Adakah anda atau pasangan pernah menyertai program BUIA?
- ☐ Ya, pernah menyertai
☐ Ya, pernah memohon tetapi tidak berjaya
☐ Tidak pernah
20. Adakah anda atau pasangan pernah mendapatkan rawatan ketidaksuburan / subfertiliti?

- ☐ Ya
- ☐ Tidak

21. (Jika Ya) Di manakah anda atau pasangan mendapatkan rawatan tersebut?
- ☐ Klinik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
 - ☐ Klinik Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)
 - ☐ Hospital kerajaan
 - ☐ Klinik / hospital swasta
 - ☐ Pusat rawatan kesuburan khusus (fertility centre)
 - ☐ Rawatan alternatif / tradisional
 - ☐ Lain-lain: ____
22. Berapakah tempoh anda atau pasangan mendapatkan rawatan tersebut?
- ☐ Kurang daripada 6 bulan
 - ☐ 6 bulan hingga kurang 1 tahun
 - ☐ 1 hingga 2 tahun
 - ☐ Lebih daripada 2 tahun
23. Berapa lama selepas berkahwin anda atau pasangan anda mula mendapatkan rawatan ketidaksuburan / subfertility?
- ☐ Kurang daripada 1 tahun
 - ☐ 1 hingga kurang 2 tahun
 - ☐ 2 hingga kurang 3 tahun
 - ☐ 3 hingga 5 tahun
 - ☐ Lebih daripada 5 tahun
24. Apakah jenis rawatan yang pernah diterima? (boleh pilih lebih daripada satu)
- ☐ Ubat kesuburan (fertility drugs)
 - ☐ Inseminasi intrauterin (IUI)
 - ☐ Persenyawaan in-vitro (IVF)
 - ☐ Kaunseling kesuburan
 - ☐ Rawatan alternatif / tradisional
 - ☐ Tidak pasti
 - ☐ Lain-lain: ____
25. Apakah cabaran utama yang dihadapi semasa mendapatkan rawatan? (boleh pilih lebih daripada satu)
- ☐ Kos rawatan yang tinggi
 - ☐ Akses kepada fasiliti / perkhidmatan terhad
 - ☐ Kurang maklumat atau kefahaman
 - ☐ Tekanan emosi / psikologi
 - ☐ Sokongan pasangan / keluarga yang terhad
 - ☐ Kekangan masa / kerjaya
 - ☐ Lain-lain: ____

26. Apakah status terkini rawatan ketidaksuburan / subfertility yang anda atau pasangan jalani?

☐ Telah berjaya (hamil / mempunyai anak)

☐ Masih dalam rawatan

☐ Telah berhenti rawatan

☐ Sedang menunggu rawatan / giliran

☐ Lain-lain: ____

Sekian, terima kasih di atas kerjasama dan sokongan anda.